

24/07/2002

IKS ICT lemah dalam seni niaga

Khairul Anuar Samad

TERDAPAT syarikat di sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terbabit dalam perniagaan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tidak mempunyai `seni' dalam mengendalikan operasi sehingga gagal menguasai pasaran.

Berdasarkan kepada kelemahan itu, Multimedia Development Corp. (MDC) berusaha menyelamat dan meningkatkan keupayaan syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) itu secara kerjasama dengan syarikat perunding utama jualan dari Australia, Noble May Leader (Noble May).

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata, walaupun kewujudan IKS ICT ini sudah menunjukkan peningkatan daripada hanya 300 pada 1996 kepada 1,700 menjelang Jun lalu, mereka masih gagal mengembangkan pasaran.

Katanya, masalah dikenal pasti ialah IKS ICT terbabit dalam jualan disebabkan tidak mempunyai kepakaran untuk mengembangkan perniagaan dan produk kepada pasaran lebih besar khususnya untuk bersaing secara global.

"MDC sedar sejak pembentukan IKS ICT itu pada 1996, sektor itu mampu menjadi syarikat bertaraf dunia. Oleh itu mereka perlu dilengkapi dengan teknik jualan khusus yang menjadi senjata penting untuk bersaing pada peringkat antarabangsa.

"Usaha mempertingkatkan seni jualan pada sektor itu juga berdasarkan kepada kemampuannya yang dilihat sebagai penyumbang penting terhadap perkembangan ekonomi negara selain penyediaan peluang pekerjaan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-economy)," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Othman berkata, melalui modul bahasa jualan daripada Noble May, IKS ICT mampu mempertingkatkan keupayaan mereka kepada peringkat jualan bertaraf dunia sebagaimana dinikmati oleh beberapa syarikat antarabangsa seperti Hunter Douglas, Douglas Pharmaceuticals dan South West Airlines.

Katanya, kini masa terbaik kepada negara dalam mengatasi masalah yang selama ini membelenggu IKS ICT, iaitu kepakaran jualan memandangkan teknologi sudah menjadi platform penting untuk menyediakan syarikat Malaysia ke peringkat global.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selalu melahirkan kebimbangannya terhadap syarikat tempatan yang dikatakan kurang kepakaran jualan yang akan menyekat pendapatan eksport negara selain saingan pada pasaran antarabangsa.

"Inisiatif bersama Noble May ini ke arah membekalkan IKS ICT tempatan dengan kepakaran yang betul ke arah menerokai pasaran global, meningkatkan peluang pasaran, menyediakan panduan berkesan dan membina kepakaran bertaraf antarabangsa.

"MDC ingin memastikan IKS ICT tempatan mempelajari yang terbaik daripada Noble May dan komitmen ini ke arah mengembangkan sektor itu," katanya.